



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PAMERAN PESONA TELEPUK: SENI PERADA EMAS MENGANGKAT KHAZANAH WARISAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 7 November 2024 - Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Tekstil Negara (MTN) dengan kerjasama Yayasan Hasanah telah menganjurkan **Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu** telah berkenan berangkat mencemar duli bagi merasmikan pameran ini.

Pameran eksklusif ini telah dibuka secara rasmi kepada orang awam bermula pada **28 Oktober sehingga 31 Disember 2024** di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur. Pameran ini memperagakan sebanyak **49 koleksi tekstil telepuk, 130 koleksi sarang atau cap telepuk dan empat (4) penerbitan berupa manuskrip dan buku** milik Jabatan Muzium Malaysia, Pergerakan Langkasuka, muzium-muzium negeri, agensi dan orang perseorangan. Menariknya pameran ini turut mempersembahkan koleksi-koleksi telepuk *masterpiece* milik kerabat diraja untuk tontonan umum seperti koleksi baju sikap, kain setangan dan kain sarung.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam sembah ucapannya berkata, “pameran ini diadakan bertujuan **untuk mengangkat dan menyetengahkan seni telepuk, iaitu salah satu khazanah warisan negara yang mencerminkan citra budaya Malaysia**”. Hal ini bertepatan dengan dasar Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Program Ini Warisan Kita yang bertujuan untuk **meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini**.

Tambah beliau lagi, memelihara tradisi dan budaya yang diwarisi daripada generasi terdahulu agar tidak ditelan zaman, bukan sesuatu yang mudah pada era serba moden ini namun usaha ini tidak mustahil dapat direalisasikan secara kolektif seperti pameran seumpama ini. Beliau juga berkata Memelihara tradisi dan budaya yang diwarisi daripada generasi terdahulu agar tidak ditelan

zaman, bukan sesuatu yang mudah pada era serba moden ini. Namun usaha ini tidak mustahil dapat direalisasikan secara kolektif yang melibatkan semua pihak sama ada daripada golongan pemimpin hingga ke rakyat biasa.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan **sentiasa mengutamakan agenda untuk menjadikan muzium sebagai platform integrasi kaum, sesuai dengan fungsinya sebagai ‘guardian of heritage’.**

Puan Siti Kamariah Ahmad Subki, Pemegang Amanah dan Pengarah Urusan Yayasan Hasanah berkongsi, **“Usaha pemeliharaan seni budaya bukan sahaja terhad kepada mendokumentasi khazanah nenek moyang kita, tetapi ia perlu dilengkapi dengan keazaman untuk menerapkannya ke dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia – ‘menghidupkannya’ menjadi sesuatu yang boleh dilihat, dialami dan dipraktikkan.** Di Yayasan Hasanah, inilah jurang yang ingin dirapatkan di bawah bidang fokus kesenian dan ruang awam.”

“Kami amat berbesar hati dapat bersama-sama Muzium Tekstil Negara dan Jabatan Muzium Malaysia untuk menganjurkan Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas agar dapat memelihara dan merancakkan dunia seni warisan tekstil Malaysia. Tidak lama lagi, saya yakin bahawa seni warisan Telepuk dapat diiktiraf di peringkat antarabangsa, khususnya di bawah Senarai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO untuk Malaysia. Dengan dedikasi berterusan, Seni Telepuk mempunyai potensi untuk melambangkan keunikan dan kekayaan budaya kita, masyhur di persada dunia,” tambah Siti Kamariah.

Pameran ini juga disemarakkan lagi dengan penganjuran beberapa program dan aktiviti kepada para pengunjung. Antaranya ialah program perkongsian ilmu seperti program bicara@muzium dan webinar yang diadakan secara hibrid, bengkel dan demonstrasi telepuk; serta program sisipan seperti pertandingan lukisan seni telepuk, pertandingan produk seni telepuk dan aktiviti mingguan bagi kanak-kanak seperti *DIY key-chain* telepuk dan mari kenal telepuk. Aktiviti-aktiviti ini khusus untuk memperkenalkan seni telepuk dan melahirkan artisan baharu yang mampu menghidupkan semula kesenian ini.

Kementerian Perpaduan Negara

7 November 2024